

# PERKONGSIAN ILMU



HANYA BOLEH DIDAPATI DI

**TRADEC'15**

*"Discover Your Potential"*

## **BISNES TRADING**

Sekiranya saudara baru hendak bermula belajar berniaga, perniagaan jenis trading adalah paling sesuai dijadikan permulaan. Dalam trading, saudara berniaga walaupun saudara tidak mempunyai produk, contohnya saudara membeli karipap orang lain dan kemudian saudara menjual karipap itu. Di sini saudara menjadi trader iaitu saudara membeli karipap daripada orang lain dan menjual semula karipap itu kepada pelanggan saudara.

Pada asasnya, semua bidang bisnes terlibat dengan proses jual-beli, iaitu trading. Kemahiran melakukan trading membolehkan saudara memasuki bidang-bidang perniagaan lain. Trading adalah asas apa jua jenis bisnes. Jika saudara mempunyai produk yang terbaik sekalipun, saudara perlu menjual produk saudara itu.

Ramai orang yang baru membuka bisnes percaya, asalkan produknya baik, ia dapat dijual. Sangkaan ini tidak benar. Banyak produk yang baik kualitinya, gagal dijual. Begitu pula, banyak produk yang sederhana baiknya dapat dijual dengan jayanya.

Jika saudara baru hendak memulakan bisnes saudara, bidang ini mempunyai banyak kelebihan:

1. Saudara tidak memerlukan modal yang besar. Saudara boleh membeli mengikut kuantiti yang saudara dapat jual. Saudara sudah boleh memulakan perniagaan ini dengan modal sekitar RM2,000 sahaja.
2. Ada kalanya sekiranya pengeluar itu percayakan saudara, saudara boleh mendapat tempoh kredit bagi pembelian saudara. Ertinya saudara tidak perlu membayar duit muka.
3. Saudara boleh memilih produk yang sudah teruji popularitinya dalam pasaran dan kesesuaiannya dengan kemampuan.
4. Saudara boleh mula membuat kerja-kerja trading secara part time sebelum saudara meletakkan jawatan.
5. Pengalaman membuat trading produk-produk harga murah membolehkan saudara lebih bersedia membuat trading bagi produk-produk mahal.
6. Saudara boleh membuat trading bagi pelbagai produk oleh pelbagai pengeluar.

Nota: Nabi Muhammad adalah seorang trader sebelum baginda menjadi nabi. Baginda mula belajar trading semasa berusia 12 tahun dan berhenti trading semasa berumur 38 tahun. Baginda berkahwin dengan seorang trader wanita yang kaya-raya bernama Siti Khadijah. Mengapakah baginda tidak menjadi pengeluar ataupun pembekal perkhidmatan?

## PERBANDINGAN DAN PERBEZAAN ANTARA SYARIKAT, PERKONGSIAN DAN PEMILIK TUNGGAL

Perbandingan untuk menunjukkan perbezaan antara syarikat, perkongsian dan pemilik tunggal telah diringkaskan seperti berikut:-

	<b>SYARIKAT</b>	<b>PERKONGSIAN</b>	<b>PEMILIK TUNGGAL</b>
1.	Struktur Sebuah syarikat adalah seseorang yang terasing daripada ahli-ahlinya.	Dua orang atau lebih yang menjalankan perniagaan dengan tujuan mendapatkan keuntungan	Individu yang berniaga sendiri
2.	Pendaftaran Perlu berdaftar dengan Pendaftar Syarikat sebagai syarikat.	Perlu mendaftar perniagaan di bawah Akta Pendaftaran Perniagaan, 1956.	Perlu mendaftar perniagaan di bawah Akta Pendaftaran Perniagaan, 1956.
3.	Pindah Milik Saham dalam syarikat boleh dipindah milik walaupun hak pindah milik mungkin terhad.	Secara amnya, seorang rakan kongsi tidak boleh memindahkan statusnya sebagai rakan kongsi kepada orang lain tanpa persetujuan rakan kongsi yang lain.	Pemilik tunggal boleh memindahkan perniagaan kepada orang lain. .
4.	Pengurusan Ahli-ahli syarikat tidak merupakan pengurus (pengarah) ataupun ejen.	Rakan kongsi adalah ejen bagi perusahaan bagi perniagaan untuk meneruskan urusannya seperti biasa dan secara amnya berhak untuk menguruskan perusahaan.	Pemilik tunggal memiliki dan mengurus perusahaannya sendiri dan oleh menggaji pekerja untuk menguruskan perusahaan tersebut.
5.	Jumlah ahli Tidak terdapat angka maksima bagi jumlah ahli (kecuali bagi syarikat persendirian, yang mana jumlah maksima adalah 50)	Jumlah maksiam adalah 20. (Tiada had siling bagi jumlah ahli untuk firma profesional. 14E.)	Terdapat hanya seorang dalam pemilik tunggal.
6.	Dasar Undang-undang Sebuah syarikat perlu didaftar secara bertulis iaitu oleh Memorandum dan Artikel Persatuan.	Rakan kongsi boleh mengeluarkan modal tetapi liabiliti bagi hutang firma kepada peminjam adalah tidak terhad.	Pemilik tunggal juga boleh mengeluarkan modal. Liabiliti bagi hutang firma kepada peminjam adalah tidak terhad..
7.	Modal dan Liabiliti Modal yang dibeli oleh ahli untuk saham mereka tidak boleh dikembalikan secara biasa, tetapi (dalam syarikat persendirian) mereka tidak bertanggungjawab terhadap hutang setelah membayar sepenuhnya.	Rakan kongsi boleh mengeluarkan modal tetapi liabiliti bagi hutang firma kepada peminjam adalah tidak terhad.	Pemilik tunggal juga boleh mengeluarkan modal. Liabiliti bagi hutang firma kepada peminjam adalah tidak terhad..

8.	Kuasa Meminjam Syarikat boleh meminjam untuk memenuhi objektif mereka seperti yang termaktub di dalam Memorandum Persatuan.	Rakan kongsi mempunyai kuasa meminjam yang tidak terhad dari segi jumlah dan tujuan.	Pemilik tunggal mempunyai kuasa meminjam yang tidak terhad.
9.	Perlindungan Aset Syarikat boleh menggunakan aset semasa sebagai jaminan dengan mengadakan caj terapung.	Rakan kongsi tidak boleh mengadakan caj terapung tetapi mereka boleh menggadai aset perusahaan.	Pemilik tunggal tidak boleh mengadakan caj terapung tetapi mereka boleh menggadai aset perusahaan.
10.	Peraturan, prosedur dan informasi umum Syarikat tertakluk kepada pelbagai peraturan undang-undang prosedur dan dikehendaki untuk membekal maklumat tertentu kepada orang awam.	Perkongsi boleh dibentuk secara tidak rasmi dan mereka tidak perlu memberi maklumat kepada orang awam.	Pemilik tunggal dibentuk secara tidak rasmi dan maklumat tentang perusahaan tidak perlu diterbitkan.
11.	Pembubaran Syarikat dibubarkan melalui penutupan dan pembubaran iaitu prosedur rasmi.	Perkongsi boleh dibubarkan secara tidak rasmi contohnya melalui persetujuan rakan kongsi.	Pemilik tunggal boleh dibubarkan secara tidak rasmi oleh pemilik sendiri.

---

Wed 12 Nov 2008

## Cara mudah dalam membina jenama perniagaan anda

Nama anda, jenama anda!

Dalam perniagaan, satu tip untuk memudahkan anda dalam membina jenama perniagaan:

***Namakan perniagaan anda dengan nama anda!***

Contoh: Irfan Khairi Sdn Bhd / atau Irfan Khairi Design / Irfan Khairi Arts

Mengapa?

1. Syarat utama untuk membina jenama yang hebat adalah memberi nama yang unik kepada perniagaan anda. Nama anda sendiri adalah unik.
2. Perniagaan yang mudah diingat adalah perniagaan yang mempunyai personaliti. Anda adalah personaliti perniagaan anda sendiri.
3. Perniagaan yang berjaya adalah perniagaan yang membina perhubungan. Manusia membina perhubungan dengan manusia- dan bukan sekadar nama perniagaan yang tidak ada kena mengena.

Cuba anda senaraikan 10 jenama-jenama barangan mewah yang anda kenali. Mercedes, Loreal, Armani, Yves Saint lauren, Versace dan sebagainya... besar kemungkinan hampir semuanya adalah "Nama" pengasas (atau nama seseorang)!

Tak salah menggunakan nama yang bukan nama anda. Tip ini hanya untuk memudahkan orang mengingati jenama anda, gunakan nama anda dalam perniagaan!

## **5 TIPS MEMILIH NAMA PERNIAGAAN YANG SESUAI**

Memilih nama perniagaan merupakan merupakan diantara perkara pertama yang perlu dilaksanakan dengan baik oleh setiap usahawan.

### **ADA APA DENGAN NAMA??**

Banyak yang ada dengan nama. Nama perniagaan merupakan simbol pertama selain logo terhadap sesuatu usaha perniagaan. Ianya menjadi suatu impresi awal 'first impression' kepada para pelanggan terutama berkaitan imej yang dibawa oleh perniagaan kita. Nama juga boleh memberi gambaran awal terhadap servis dan produk yang ditawarkan oleh perniagaan tersebut.

Memilih nama yang sesuai terkadang boleh menyebabkan kita pening kepala. Namun berdasarkan pengalaman mengendalikan pendaftaran perniagaan dan penubuhan syarikat, saya senaraikan beberapa **5 tips** yang boleh menjadi panduan kepada para usahawan diluar sana untuk memilih nama perniagaan.

**TIPS 1:** Pilih nama-nama yang unik menggunakan perkataan yang jarang diguna pakai dalam kehidupan harian. Elakkan dari menggunakan nama-nama yang biasa seperti Maju Cemerlang , Hebat Gagah dan lain-lain. Sebaliknya cuba gunakan perkataan yang agak unik seperti HARDA Ingeneering & Consultancy (gabungan nama Harun + Darus), Tanjung Armada, Avanzado Brillante (Maju Cemerlang dalam bahasa spanyol) dan lain-lain.

**TIPS 2:** Ketahui cerita disebalik nama perniagaan anda kerana ianya akan mewujudkan nilai sentimental dan boleh menyuntik motivasi semangat untuk membangunkan perniagaan sehingga berjaya.

**TIPS 3:** Pilih nama-nama yang tidak mengandungi perkataan yang digazetkan oleh kerajaan melalui Warta Kerajaan Bil. 716 bertarih 30 Januari 1997, Warta (Pindaan) bertarih 11 Oktober 2001 dan Garis Panduan Menamakan Syarikat.

**TIPS 4:** Gunakan hanya 2-3 perkataan sahaja seperti Mahjuma Trading, Pelaburan Kencang, Pemasaran Megah Unggul, Gold Marketing & Resources dan banyak contoh lain lagi. Elakkan dari memilih nama yang panjang kerana ianya bakal menyusahkan pelanggan yang menyebut, mengingat dan meletihkan tangan anda untuk menulis buku cek.

**TIPS 5:** Jangan campurkan Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris sebagai contoh Maju Marketing kerana SSM tidak akan meluluskan nama campuran tersebut.

Jangan lupa untuk mencadangkan sekurang-kurangnya 3 nama perniagaan sebelum anda terus ke SSM (bagi perniagaan Enterprise) dan syarikat setiausaha (bagi syarikat) untuk menubuhkan perniagaan. Pada setakat 16 September 2012 sahaja tidak kurang dari **1,017,000 syarikat** telah ditubuhkan di SSM. Oleh itu, penyediaan cadangan nama lain akan memudahkan proses pencarian nama sekiranya ada diantara nama anda ditolak oleh SSM.

### **INGAT !!**

Nama perniagaan yang didaftarkan di SSM bahagian Pendaftar Perniagaan (ROB) dan Pendaftar Syarikat (ROC) adalah berbeza dan tiada kaitan sama sekali. Nama yang anda daftar di ROB tidak ada kaitan dengan ROC. Dalam erti kata mudah, jika anda mempunyai perniagaan menggunakan nama Teknologi Maju Enterprise yang telah berdaftar dengan ROB dan suatu masa anda ingin menaik taraf ke syarikat sdn bhd, tidak semestinya nama Teknologi Maju tadi akan diluluskan oleh SSM kerana kelulusan nama syarikat bergantung kepada kelulusan ROC.

Saya harap tips-tips diatas dapat membantu anda membuat keputusan berkenaan nama perniagaan baru anda. Selamat mencuba!